

## 150 cerucuk dipasang di kawasan tanah mendap

[Faris Fuad](#)

[faris.fuad@bh.com.my](mailto:faris.fuad@bh.com.my)



Kelihatan sebahagian jalan runtuh mengakibatkan lima buah kenderaan rosak ketika tinjauan kejadian tanah mendap di Lestari Perdana, Seri Kembangan. FOTO AIZUDDIN SAAD

Seri Kembangan: Pihak berkuasa tempatan (PBT) memasang 150 besi cerucuk di tebing terjejas tanah mendap di Lestari Perdana, Bandar Putra Permai, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner A A Anbalagan berkata, kerja memasang besi cerucuk setinggi 12 meter sedang giat dilakukan bagi menghentikan sebarang pergerakan tanah.

"Pada peringkat awal, sebanyak 150 besi cerucuk akan digunakan bagi menyokong tebing yang terjejas susulan tanah mendap semalam.

"Kerja pemasangan besi cerucuk diaktifkan sejak jam 2 pagi tadi dan proses berkenaan masih berjalan ketika ini," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian hari ini.

Turut hadir, Pegawai Daerah Petaling, Datuk Johary Anuar.

Sementara itu, Johary berkata, runtuh susulan berpotensi berlaku di kawasan berkenaan hasil laporan dan pemantauan Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang mendapati masih berlaku pergerakan tanah.

"Lepas terima laporan malam tadi, kita terus melantik kontraktor untuk langkah awal bagi memasang cerucuk besi di tebing bertujuan mengelakkan tanah runtuh berlaku lagi.

"Maklumat yang kita peroleh mendapati ada risiko pergerakan tanah dan kerja baik pulih kini giat dilakukan," katanya.

**Disiarkan pada: Januari 26, 2022 @ 2:47pm**